



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	-			

# PKP: Banyak haiwan Zoo Melaka bunting, beranak

UM, 28 Sept  
2021\_10

Oleh AMRAN MULUP  
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Kadar bunting dan kelahiran haiwan Zoo Melaka di sini merekodkan peningkatan ketara, dek kerana ketiadaan pengunjung berikutan penutupan operasi akibat pandemik Covid-19.

Beberapa spesies haiwan melahirkan anak sepanjang tempoh 10 bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman.

Memaklumkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, selain ungka tangan putih (*white handed gibbon*) yang melahirkan anak kembar pertama kali direkodkan di Asia, monyet capuchin dari Afrika Selatan turut melahirkan seekor anak, dua minggu lalu.

Katanya, kambing gurun juga melahirkan dua ekor anak iaitu pada PKP Mac 2020, dan seekor lagi ketika PKP tahun ini.

Menurutnya, ketika ini Zoo Melaka sedang menanti kelahiran anak pertama singa putih dari Afrika Selatan, dijangka di-



**PENGUNJUNG** memberi makan kepada singa putih dari Afrika Selatan di Zoo Melaka, Ayer Keroh, Melaka.  
- UTUSAN/AMRAN MULUP

lahirkan pada bila-bila masa.

"Pekerja zoo menyedari haiwan tersebut mula mengawan tiga bulan lalu dan sejak itu, ia dipantau dari segi diet pemakanannya, kesihatan dan kebersihan kawasan sekitar.

"Antara binatang lain yang sarat bunting ketika ini ialah rusa lechwe dan rusa bintik.

"Mungkin disebabkan tiada kedatangan pengunjung ke zoo membolehkan haiwan mengawan tanpa diganggu," katanya.

Tambah Shadan, situasi itu juga menepis tohmahan di media sosial yang mendakwa banyak haiwan di Zoo Melaka terabai.

Katanya, sejak MPHTJ ambil alih pengurusan pada 2018, haiwan zoo dijaga dengan baik.